



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan)1984

DR.25/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai dan Pentaksir 1981 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.
2. Akta Penilai dan Pentaksir 1981, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam tajuk panjang— Pindaan tajuk panjang. Akta 242.
 - (a) dengan menggantikan perkataan "dan" di mana ianya terdapat selepas perkataan "penilai-penilai" dengan koma; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan "pentaksir-pentaksir" perkataan-perkataan "dan ejen-ejen harta-tanah".
3. Seksyen 1 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 1.
 - (a) dengan menggantikan perkataan "dan" di mana ianya terdapat kali pertama dengan koma; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan "Pentaksir" perkataan-perkataan "dan Ejen Harta-Tanah".

Pindaan
seksyen 2.

4. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran bagi “ahli” takrif baru yang berikut:

“amalan perejenan harta-tanah” ertinya bertindak atau mengemukakan diri seseorang kepada orang ramai sebagai bersedia bertindak, untuk upah, sebagai seorang ejen berkenaan dengan sesuatu jualan atau lain-lain pelupusan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya atau pembelian atau lain-lain pengambilan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya atau berkenaan dengan pemajakan atau penyewaan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya;”

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” dalam tafsiran bagi “Daftar” perkataan-perkataan “atau Daftar Ejen Harta-Tanah”;

(c) dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran bagi “ditetapkan” takrif baru yang berikut:

“ejen harta-tanah berdaftar” ertinya seseorang yang namanya telah dimasukkan dalam Daftar dan yang telah diberi kuasa untuk menjalankan amalan oleh Lembaga di bawah seksyen 22A;”

(d) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “seksyen 22” dalam tafsiran bagi “kuasa untuk menjalankan amalan” perkataan-perkataan “atau sebagai seorang ejen harta-tanah berdaftar di bawah seksyen 22A”;

(e) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam tafsiran bagi “Kumpulanwang” dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”;

(f) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam tafsiran bagi “Lembaga” dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”; dan

- (g) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam tafsiran bagi “Pendaftar” dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”.

5. Subseksyen (1) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “penilaian” dalam perenggan (c) perkataan-perkataan “dan perejenan harta-tanah”. Pindaan seksyen 4.

6. Kepala kepada Bahagian III Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “DAN” dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “PENTAKSIR” perkataan-perkataan “DAN EJEN HARTA-TANAH”. Pindaan kepala Bahagian III.

7. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 9.

(a) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam nota birai dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”;

(b) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat kali pertama dalam subseksyen (1) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”;

(c) dengan menggantikan perkataan “empat” dalam perenggan (b) subseksyen (2) dengan perkataan “enam”;

(d) dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di hujung perenggan (c) subseksyen (2) dan dengan memasukkan selepas perenggan itu perenggan baru yang berikut:

“(cc) dua orang ejen harta-tanah berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman sebagai ejen harta-tanah; dan”;

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “perenggan (c)” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “perenggan (c) dan (cc)”;

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen (5), subseksyen (5A) yang berikut:

“(5A) Berkenaan dengan orang-orang yang pertama sekali dilantik menjadi ahli Lembaga yang tersebut dalam perenggan (cc) subseksyen (2) orang-orang yang dilantik itu hendaklah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perlantikan mereka didaftarkan di bawah peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Akta ini sebagai ejen hartatanah berdaftar.”; dan

(g) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(b) dan (c)” dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan “(b), (c), (cc) dan (d)”.

Pindaan
seksyen 10.

8. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” dalam perenggan (a) perkataan-perkataan “dan suatu Daftar Ejen Harta-Tanah”;

(b) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana jua ianya terdapat selepas perkataan “penilai” dalam perenggan (d) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah”;

(c) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana ianya terdapat kali pertama dalam perenggan (e) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah”;

(d) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat selepas perkataan “penilai” dalam perenggan (f) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “dan ejen harta-tanah”;

(e) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat selepas perkataan “penilai” dalam perenggan (g) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “dan ejen harta-tanah”; dan

- (f) dengan memasukkan selepas perkataan “penilaian” dalam perenggan (h) perkataan-perkataan “atau perejeenan harta-tanah”.

9. Subseksyen (1) seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 12.

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat selepas perkataan “Penilai” dengan koma; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”.

10. Kepala kepada Bahagian IV Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan koma dan perkataan-perkataan “DAFTAR EJEN HARTA-TANAH” selepas perkataan “PENTAKSIR”. Pindaan kepala Bahagian IV.

11. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 14.

- (a) dengan menggantikan perkataan “Daftar” dalam nota birai dengan perkataan “Daftar-Daftar”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen (1A) yang berikut:

“(1A) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Ejen Harta-Tanah yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan, kelayakan dan lain-lain butir mengenai ejen harta-tanah berdaftar.”;

- (c) dengan menggantikan perkataan “Daftar” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “Daftar-Daftar”;

- (d) dengan menggantikan perkataan “Daftar” di mana jua ianya terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan “Daftar-Daftar”; dan

- (e) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana ianya terdapat selepas perkataan “penilai” dalam subseksyen (4) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah”;

Pindaan
seksyen 15.

12. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat kali pertama dalam subseksyen (1) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Daftar” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “Daftar-Daftar”.

Pindaan
seksyen 16.

13. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat selepas perkataan-perkataan “penilai berdaftar” dalam subseksyen (5) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau” dalam subseksyen (7) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Daftar” dalam subseksyen (7) dengan perkataan “Daftar-Daftar”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “Daftar” dalam subseksyen (8) dengan perkataan “Daftar-Daftar”.

Pindaan
seksyen 17.

14. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “Daftar” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “Penilai dan Pentaksir”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tidak pernah” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan “tidak”;
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “keburukan akhlak” dalam perenggan (a) subseksyen (1) perkataan-perkataan “dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya”;

(d) dengan memasukkan selepas perkataan “amalan” dalam perenggan (e) subseksyen (1) perkataan-perkataan “penilaian atau perejean harta-tanah”;

(e) dengan memasukkan selepas perkataan “Daftar” dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “Penilai dan Pentaksir”; dan

(f) dengan memasukkan selepas perkataan “Daftar” dalam subseksyen (3) perkataan-perkataan “Penilai dan Pentaksir”.

15. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Daftar” perkataan-perkataan “Penilai dan Pentaksir”.

Pindaan
seksyen 18.

16. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menomborkan semula seksyen yang ada sebagai subseksyen (1) dan dengan memasukkan selepasnya subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 21.

“(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

(a) mana-mana peguambela dan peguamcara yang semasa menjalankan profesinya sebagai seorang peguambela dan peguamcara bertindak sebagai ejen berkenaan dengan penjualan atau pembelian atau lain-lain pelupusan atau pengambilan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya atau berkenaan dengan pemajakan atau penyewaan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya melainkan jika dia disarakan kerana bertindak sedemikian dengan diberi komisen atau fee sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, caj profesionalnya;

(b) mana-mana akauntan atau ejen insurans yang semasa menjalankan perniagaannya bertindak bagi pihak pemunya melainkan jika dia disarakan kerana bertindak sedemikian dengan diberi komisen atau fee sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, caj profesionalnya;

- (c) mana-mana pelelong berlesen yang menjual atau menawar untuk menjual mana-mana tanah atau bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya melalui lelongan awam; atau
- (d) pemunya atau pemegang surat kuasa menadbir pusaka berkenaan dengan mana-mana tanah atau bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya, yang menjual atau membeli atau menawar untuk menjual atau membeli tanah, bangunan atau kepentingan dalamnya, atau selainnya bertindak berkaitan dengan pengurusan harta itu olehnya sendiri.”.

Bahagian
VA baru.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian V, Bahagian VA yang berikut :

BAHAGIAN VA

EJEN HARTA-TANAH

Pendaftaran 22A. (1) Tertakluk kepada peruntukan-per-
ejen peruntukan Akta ini, tiap-tiap orang adalah
harta-tanah. berhak menuntut supaya namanya dimasukkan ke dalam Daftar Ejen Harta-Tanah setelah membuat permohonan kepada Lembaga dan membuktikan hingga memuaskan hati Lembaga bahawa—

- (a) dia telah mencapai umur 21 tahun dan adalah sempurna akal, berkelakuan baik dan tidak disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau keburukan akhlak dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh permohonannya;
- (b) dia telah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga atau telah mendapat kelulusan yang diiktiraf oleh Lembaga sebagai setara dengan peperiksaan itu;
- (c) dia telah menamatkan tempoh latihan serta pengalaman amali yang ditetapkan oleh Lembaga;

(d) dia telah membuat suatu akuan dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga;

(e) dia telah membayar fee yang ditetapkan oleh Lembaga; dan

(f) dia tidak dikena gantung dari menjalankan amalan penilaian atau per-ejean harta-tanah dan juga namanya tidak dipotong dari Daftar.

(2) Mana-mana orang yang membuat permohonan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Bahagian ini untuk pendaftaran di bawah Daftar Ejen Harta-Tanah adalah berhak meminta supaya namanya didaftarkan sedemikian jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Lembaga bahawa—

(a) sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Bahagian ini—

(i) dia telah melibatkan diri dalam amalan perejean harta-tanah dan bahawa pada amnya perniagaannya sebagai sedemikian adalah menjadi pekerjaan utamanya; atau

(ii) dia adalah penilai atau pentaksir berdaftar dan bahawa perniagaannya sebagai sedemikian termasuklah amalan perejean harta-tanah,

dan bahawa dia telah melayani klien-kliennya pada amnya dengan memuaskan hati mereka itu; dan

(b) memenuhi atau mematuhi peruntukan-peruntukan perenggan (a), (d), (e) dan (f) subseksyen (1).

(3) Supaya dapat memuaskan hati tentang apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) Lembaga boleh meminta pemohon mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen sebagaimana difikirkannya berkaitan.

Amalan
perejenan
harta-tanah.

22B. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, seseorang ejen harta-tanah berdaftar yang telah dikeluarkan suatu kuasa untuk menjalankan amalan oleh Lembaga adalah berhak mengamalkan profesionnya dan adalah dibenar mengusahakan amalan perejenan harta-tanah termasuk rundingan berkenaan dengan penjualan, pembelian, penyewaan atau pemajakan melalui perjanjian atau tender.

(2) Lembaga boleh membenarkan ejen harta-tanah berdaftar yang membuktikan hingga memuaskan hati Lembaga bahawa dia sebenarnya ada menjalankan pengurusan harta sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini untuk meneruskan kerja itu dengan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana difikirkan patut dikenakan oleh Lembaga.

Sekatan-
sekatan
ke atas
amalan
perejenan
harta-tanah.

22c. (1) Tiada seorang pun boleh melainkan jika dia seorang ejen harta-tanah berdaftar—

(a) menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan atau memegang kerja sebagai seorang ejen harta-tanah dengan apa jua nama, stail atau taitel yang mengandungi perkataan-perkataan “Ejen Harta-Tanah”, “Ejen Perumahan”, “Ejen Harta”, “Ejen Tanah” atau apa-apa perkataan lain yang seperti dengannya, dalam apa-apa bahasa atau mengandungi apa jua perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh dengan munasabahnyanya ditafsir sebagai membayangkan erti bahawa dia adalah seorang ejen harta-tanah berdaftar;

(b) mengguna atau menunjukkan apa-apa papan tanda, kad atau lain-lain alat yang menggambarkan atau membayangkan erti bahawa dia adalah seorang ejen harta-tanah berdaftar;

(c) mengusahakan apa-apa kerja yang dinyatakan dalam seksyen 22B; atau

(d) berhak menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa fee, caj atau saraan kerana apa-apa nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberi sebagai seorang ejen harta-tanah.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

(a) mana-mana peguambela dan peguamcara yang semasa menjalankan profesinya sebagai seorang peguambela dan peguamcara bertindak sebagai ejen berkenaan dengan penjualan atau pembelian atau lain-lain pelupusan atau pengambilan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya atau berkenaan dengan pemajakan atau penyewaan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya melainkan jika dia disarakan kerana bertindak sedemikian dengan diberi komisen atau fee sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, caj profesionalnya;

(b) mana-mana pelelong berlesen yang menjual atau menawarkan untuk menjualkan mana-mana tanah atau bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya melalui lelongan awam; atau

(c) pemunya atau pemegang surat kuasa mentadbir pusaka berkenaan dengan mana-mana tanah atau bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya, yang menjual atau menawar untuk menjualkan atau membeli tanah, bangunan atau kepentingan dalamnya.”.

18. Kepala kepada Bahagian VI Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “PENILAIAN” perkataan-perkataan “DAN PEREJENAN HARTA-TANAH”.

Pindaan
kepala
Bahagian
VI.

Pindaan
seksyen 23.

19. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “penilaian” perkataan-perkataan “dan pereganaan harta-tanah”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana jua ianya terdapat selepas perkataan-perkataan “penilai-penilai berdaftar” dalam perenggan (a) dan (b) dengan koma; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir-pentaksir berdaftar” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (a) dan (b) perkataan-perkataan “atau ejen-ejen harta-tanah berdaftar”.

Pindaan
seksyen 24.

20. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau” dalam subseksyen (1) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “pentaksir” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seksyen 18” dalam perenggan (c) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “seksyen 18 atau 22A”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana ianya terdapat selepas perkataan-perkataan “penilai berdaftar” dalam perenggan (b) subseksyen (2) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”.

Pindaan
seksyen 25.

21. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “atau” dalam subseksyen (1) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”.

Pindaan
seksyen 30.

22. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau” dalam perenggan (e) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “atau” di mana ianya terdapat kali pertama dalam perenggan (h) dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “pentaksir berdaftar” perkataan-perkataan “atau ejen harta-tanah berdaftar”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seksyen 19” dalam perenggan (h) dengan perkataan-perkataan “seksyen 19 atau 22B”.

23. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual
Pertama.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(b) dan (c)” dalam subperenggan (2) perenggan 1 dengan perkataan-perkataan “(b), (c), (cc) dan (d)”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “enam” dalam subperenggan (4) perenggan 2 dengan perkataan “lapan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “dan” di mana ianya terdapat selepas perkataan “Penilai” dalam subperenggan (2) perenggan 3 dengan koma dan dengan memasukkan selepas perkataan “Pentaksir” perkataan-perkataan “dan Ejen Harta-Tanah”.

24. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 adalah dipinda— Pindaan
berbangkit
kepada Akta
Pendaftaran
Juruukur
Bahan 1967.
67/67.

- (a) dengan menggantikan perkataan “and” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (h) subseksyen (2) seksyen 3 dengan koma;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Appraisers” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (h) subseksyen (2) seksyen 3 perkataan-perkataan “and Estate Agents”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “Appraisers” dalam seksyen 27 perkataan-perkataan “, Estate Agents”.

Pemansuhan. 25. Undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual adalah dimansuhkan setakat yang dinyatakan dalamnya.

JADUAL
(Seksyen 25)

Undang-undang bertulis	Takat Dimansuhkan
En. No. 8 (Pelelong) (Kedah)	Setakat yang berkaitan dengan ejen perumahan
N.S. Bab 198 Ordinan Lesen Pelelong	Setakat yang berkaitan dengan ejen perumahan

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penilai dan Pentaksir 1981 untuk mendaftarkan Ejen Harta-Tanah dan membuat peruntukan mengenai kawalan ke atas amalan perejean harta-tanah.

2. *Fasal 2* dan *3* bertujuan meminda tajuk panjang dan tajuk pendek Akta agar kemudian dari ini ianya dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

3. *Fasal 4* bertujuan, antara lain, mengemukakan takrif bagi istilah "amalan perejean harta-tanah" dan "ejen harta-tanah berdaftar" dan juga membuat pindaan-pindaan yang berbangkit.

4. *Fasal 7* bertujuan menukarkan nama Lembaga Penilai dan Pentaksir kepada Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah. Fasal itu juga bertujuan melantik dua orang ejen harta-tanah berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman sebagai ejen harta-tanah untuk menjadi anggota-anggota Lembaga dengan kelonggaran tertentu yang perlu berkenaan dengan pelantik-pelantik yang pertama. Selain dari itu, ia juga bertujuan menambahkan bilangan anggota Lembaga yang menjadi penilai berdaftar dari perkhidmatan awam dari empat orang kepada enam orang.

5. *Fasal 11* bertujuan mengemukakan subseksyen baru (1A) bagi mengadakan peruntukan mengenai cara penyimpanan Daftar Ejen Harta-Tanah yang mana caranya adalah sama sahaja dengan Daftar Penilai dan Pentaksir.

6. *Fasal 16* bertujuan mengemukakan subseksyen baru yang menurutnya peguambela dan peguamcara, akauntan, ejen insurans dan pelelong yang melaksanakan fungsi-fungsi tertentu berkaitan dengan profesion mereka atau sebagai pemilik harta atau peme-gang surat kuasa mentadbir pusaka, membuat sesuatu mengenai harta itu olehnya sendiri, adalah dikecualikan dari didaftarkan sebagai penilai atau pentaksir.

7. *Fasal 17* bertujuan mengemukakan Bahagian VA yang baru yang, antara lain, mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran ejen harta-tanah, hak untuk menjalankan amalan perejean harta-tanah dan sekatan-sekatan mengenai amalan perejean harta-tanah.

8. *Fasal 23* bertujuan meminda Jadual Pertama untuk memasukkan ejen harta-tanah.
9. *Fasal 24* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 3 dan seksyen 27 Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967, bagi maksud mengadakan persamaan.
10. *Fasal 25* bertujuan memansuhkan peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Kedah No. 8 (Pelelong) dan Ordinan Lesen Pelelong (N.S. Bab 198) setakat yang berkaitan dengan ejen perumahan.
11. Pindaan-pindaan yang lain adalah berupa pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 962; PN. (SBKA) 75.]

